

BULETIN JABATAN HAL EHWAL PELAJAR

EDISI 2022



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

MOHD SYAHNAN BIN MD ZAIN

KETUA EDITOR

**SITI SYAIDATUL AKMAL BINTI
KAMARUDDIN**

EDITOR

CIK NORDIN BIN NAYAN

**MUHAMMAD SOLIHIN
BIN YAAKUB**

MOHMAD NAZRI BIN MAHBOB

**WAN SITI FATIMAH BINTI WAN
AB RAHMAN**

KANDUNGAN

- 1. KATA ALUAN KETUA JABATAN**
- 2. PENGURUSAN JABATAN HAL EHWAL PELAJAR**
- 3. PEGAWAI HAL EHWAL PELAJAR**
- 4. FUNGSI JABATAN**
- 5. MINGGU TRANSFORMASI SISWA**
- 6. CSR**
- 7. UNIT DISIPLIN**
- 8. PROMOSI**
- 9. TAKLIMAT INSURAN**
- 10. UNIT KEBAJIKAN**
- 11. MPP**
- 12. KONVOKESYEN**

Diterbitkan oleh:

Politeknik Sultan Azlan Shah

Behrang Stesen, Behrang

35950 Perak

Tel: 05-4544431

Faks: 05-4544993

Email: <http://www.psas.edu.my>

Terbitan Pertama 2023

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar atau sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Buletin Jabatan Hal Ehwal Pelajar Edisi 2022


eISSN : 3009-1071



KATA ALUAN

KETUA JABATAN

**MOHD SYAHNAN BIN MD ZAIN
KETUA JABATAN HAL EHWAL PELAJAR**



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah swt kerana dengan izinNya dapat kita bertemu melalui Buletin JHEP bagi tahun 2022 yang julung kalinya diterbitkan. Setinggi penghargaan kepada yang terlibat dalam menyediakan buletin ini yang merupakan bahan rujukan pelbagai program yang dijalankan oleh semua unit di bawah Jabatan Hal Ehwal Pelajar.

Usaha yang terencana oleh Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) untuk melahirkan graduan yang seimbang, berciri keusahawanan dan holistik dan mempunyai ciri kepimpinan, beradab, bersusila, berdikari, ketahanan fizikal dan mental telah membawa kepada penubuhan Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) pada Mac 2002. JHEP dibahagikan kepada dua unit utama berlandaskan kepada fungsi bahagian. Teras kepada matlamat dan halatuju JHEP digariskan dalam pernyataan objektif, visi dan misi jabatan.

Akhir kata, tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua warga JHEP dan PSAS kerana telah melaksanakan program dengan baik sepanjang tahun 2022. Terima kasih atas segala kenangan dan memori yang terpahat di dalam buletin ini. Semoga usaha dan sumbangsan dalam penerbitan buletin ini dapat memberi manfaat kepada semua.

PENGURUSAN JABATAN HAL EHWAL PELAJAR



CIK NORDIN BIN NAYAN
KETUA UNIT PEGAWAI HAL EHWAL PELAJAR
KEBAJIKAN & DISIPLIN (MPP)



MUHAMMAD SOLIHIN BIN YAAKUB
PEGAWAI BIASISWA



SITI SYAIDATUL AKMAL
BIINTI KAMARUDDIN
PEGAWAI HAL EHWAL PELAJAR
KEBAJIKAN & DISIPLIN (DISIPLIN)



MUHAMAD ADHA BIN SHAMDIN @ SHAMSUDDIN
PEGAWAI YES



WAHIDA BINTI OTMAN
PEMBANTU TADBIR (P/O)



ROHANA BINTI WAHAB
PEMBANTU TADBIR (P/O)



MOHAMMAD MAZLI BIN MUSLIM
PEMBANTU OPERASI

PEGAWAI -PEGAWAI


JABATAN HAL EHWAL PELAJAR



FAUZIAH BINTI AARIF
KETUA DISIPLIN



MOHD SAIFUL IZWAN BIN ABDULLAH
KETUA DISIPLIN



NORAIMI BINTI AHMAD
PEGAWAI PENGAMBILAN



WAN SITI FATIMAH BINTI WAN AB RAHMAN
PEGAWAI KEBAJIKAN



HERDAWATI BT AHMAD
PENASIHAT MMP 1
PEGAWAI DATA



NOR HIDAYAH BINTI AB WAHAB
PENASIHAT MMP 2

FUNGSI

JABATAN

Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) bertanggungjawab menjaga hal ehwal serta kebajikan pelajar sepanjang tempoh pengajian mereka di Politeknik Sultan Azlan Shah.

JHEP komited dalam menggalakkan dan memperkayakan aktivitiviti ko-kurikulum pelajar dengan memberikan perkhidmatan berkualiti bagi merangsang pembangunan pelajar secara berterusan.

Jabatan ini terdiri dari dua unit yang saling bantu membantu di antara satu sama lain. Unit-unit tersebut adalah Unit Pengambilan & Data (P & D) dan Unit Kebajikan Dan Disiplin (K & D)

Di antara fungsi JHEP

- 1. Mengendali urusan pengambilan dan Pendaftaran Pelajar baharu dan senior**
- 2. Mengumpul, menyedia, menyimpan dan mengemaskini rekod dan pangkalan data pelajar**
- 3. Memberi perkhidmatan kepada pelajar dalam perkara berkaitan biasiswa dan bantuan kewangan, kebajikan, keselamatan dan disiplin pelajar**
- 4. Menggalakkan kegiatan berpersatuan bagi pelajar semasa**
- 5. Memastikan kegiatan pelajar melibatkan program pembangunan sahsiah ke arah pembentukan lulusan yang seimbang, berkeperibadian mulia, inovatif, dinamik dan berketerampilan.**

PROGRAM 2022

MINGGU TRANSFORMASI SISWA



SESI PENDAFTARAN BELAJAR BARU

Bagi Sesi 1 2022/2023 pada 20 Ogos 2022, Politeknik Sultan Azlan Shah telah menerima 551 orang pelajar dari 4 Jabatan iaitu Jabatan Kejuruteraan Awam, Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Jabatan Perdagangan.

Minggu Transformasi Siswa (MTS) ini dijalankan selama 5 hari yang merangkumi sesi pendaftaran asrama, kursus dan sesi taklimat yang disampaikan oleh Pegawai dari setiap unit. Sesi ini dijalankan bagi memastikan pelajar baru mengetahui maklumat terkini dan latar belakang Politeknik.

JABATAN

JKA : 116 ORANG

JKE : 117 ORANG

JKM : 146 ORANG

JP : 172 ORANG



KEMPEN " LEARN FROM HOME"

DISEDIAKAN OLEH : SITI SYAIDATUL
AKMAL BINTI KAMARUDDIN
TARIKH : 12 APRIL 2022

SIMKAD YES PERCUMA



YTL FOUNDATION

Dengan pembukaan semula IPTA di Malaysia , YTL Foundation melalui Yes telah mengumumkan kempen baharu untuk membantu pelajar dengan keperluan pembelajaran dalam talian mereka. Pelajar universiti/politeknik yang layak boleh menebus sim 4G Yes percuma dan menikmati 7GB data 4G setiap bulan untuk tempoh setahun.

Tawaran SIM dan data percuma diberikan kepada pelajar tanpa sebarang ikatan. Tiada kontrak atau bayaran pendahuluan diperlukan, jadi pelajar boleh belajar dalam talian dengan lebih mudah. Tawaran data bulanan 7GB percuma tersedia hingga 30 September 2022, iaitu sejumlah 84GB

Team Promosi Yes hadir pada 12 April 2022 dengan seramai 4 orang dan dibantu bersama MPP PSAS bagi melaksanakan proses memberian simkad percuma kepada pelajar Politeknik Sultan Azlan Shah.

PENYERAHAN

PERANTISISWA FASA 1

Disediakan oleh : Siti Syaidatul Akmal Binti Kamaruddin
Tarikh : 18 Oktober 2022



PELAJAR PSAS

Sesi penyerahan bermula pada jam 10 pagi sehingga jam 4.30 petang. Jumlah penerima bagi fasa pertama adalah seramai 666 orang pelajar Politeknik Sultan Azlan Shah y dari Semester 1 sehingga semester 5 yang dijalankan pada 18 Oktober 2022 yang lalu.



PROGRAM PERANTISISWA

Program PerantiSiswa telah diwujudkan bagi membantu pelajar dalam kelompok B40 dengan menyediakan peranti kepada pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) bagi memastikan proses pengajian para pelajar terus terpelihara.

Inisiatif ini di bawah Belanjawan 2022 ini diterajui oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (K-KOMM) dengan kerjasama daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) serta yang terkini melibatkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia(MOTAC).





Program PerantiSiswa telah diwujudkan bagi membantu pelajar dalam kelompok B40 dengan menyediakan peranti kepada pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) bagi memastikan proses pengajian para pelajar terus terpelihara.

Inisiatif ini di bawah Belanjawan 2022 ini diterajui oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (K-KOMM) dengan kerjasama daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) serta yang terkini melibatkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia(MOTAC).



Majlis penyerahan disampaikan oleh Pengarah Politeknik Sultan Azlan Shah, En Muhammad Zubir bin Hanifah dan diringi oleh Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Ustaz Mohd Syahnun bin MD Zain kepada penerima . Seramai 649 pelajar Politeknik Sultan Azlan Shah yang menerima PERANTISWA dari Semester 1 sehingga semester 6 pada fasa 2 yang dijalankan pada 10 November 2022 yang lalu.

MAJLIS PENYERAHAN PERANTISWA 2022 FASA 2

Jabatan Hal Ehwal Pelajar merupakan Jabatan yang menguruskan Hal-hal yang berkaitan dengan kebajikan dan bantuan kepada pelajar. Sejajar dengan hasrat Kerajaan bagi memastikan pelajar IPT mempunyai peranti dan akses Internet pada kos berpatutan. Jabatan Hal Ehwal Pelajar telah menganjurkan satu majlis penyerahan bersama Pengarah Politeknik Sultan Azlan Shah.



UNIT DISIPLIN

2022

DISEDIAKAN OLEH : SITI SYAIDATUL AKMAL BINTI KAMARUDDIN ● TARIKH: 1 JUN 2022



Operasi Kenderaan dijalankan Dua (2) kali disetiap semester.

Operasi melibatkan Kederaan pelajar iaitu kereta dan motosikal. Sebanyak 517 buah kenderaan bagi Sesi 2 2021/2022 telah melalui proses pemeriksaan kenderaan.

51 saman kenderaan telah dikeluarkan merangkumi kesalahan tiada lesen memandu , tidak mendaftar kenderaan di Jabatan Hal Ehwal pelajar dan tidak mempunyai stiker kenderaan yang sah.



MINGGU OPERASI KENDERAAAN PELAJAR

Operasi Kenderaan Pelajar dilaksanakan bagi tujuan memastikan pelajar mematuhi peraturan lalulintas di kawasan politeknik yang telah ditetapkan dibawah AKTA 174 AKTA INSTITUSI-INSTITUSI PELAJARAN (TATATERTIB) 1976



Seramai 13 orang Pegawai Disiplin Jabatan dan pihak pegawai bersama-sama dalam menjayakan operasi kenderaan selama 2 hari pada 1 - 2 Jun 2022.

OPERASI KENDERAAAN SESI 2 2021/2022



UNIT DISIPLIN

2022

DISEDIAKAN OLEH : SITI SYAIDATUL AKMAL BINTI KAMARUDDIN ● TARIKH: 1 JUN 2022



207 saman telah dikeluarkan merangkumi kesalahan berambut panjang ,rambut diwarnakan , tidak memakai kad matrik dan memakai pakaian tidak sesuai.

Seramai 16 orang Pegawai Disiplin Jabatan dan pegawai disiplin PSAS bersama-sama dalam menjayakan operasi Rupa Diri selama 2 hari pada 1 - 2 Jun 2022, yang dijalankan sekitar kawasan Politeknik.



MINGGU OPERASI RUPA DIRI PELAJAR

Operasi Rupa Diri Pelajar dilaksanakan bagi tujuan memastikan pelajar mematuhi peraturan Rupa diri ketika berada didalam Politeknik yang telah ditetapkan dibawah AKTA 174 AKTA INSTITUSI-INSTITUSI PELAJARAN (TATATERTIB) 1976

Operasi Rupa Diri dijalankan Dua (2) kali disetiap semester.

Operasi melibatkan 2291 orang pelajar yang berada di Politeknik bagi Sesi 2 2021/2022 telah melalui proses pemeriksaan Rupa Diri.



OPERASI RUPA DIRI SESI 2 2021/2022

UNIT DISIPLIN

2022

DISEDIAKAN OLEH : SITI SYAIDATUL AKMAL BINTI KAMARUDDIN ● TARikh: 15 SEPTEMBER 2022



Operasi ini bertujuan bagi memastikan pelajar mematuhi peraturan jalan raya yang merujuk dibawah panduan KESALAHAN JALANRAYA DI BAWAH AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987 DAN AKTA MAJLIS KENDERAAN BERMOTOR 1987

Seramai 5 anggota Polis Trafik dari IPD Slim River yang hadir di Politeknik Sultan Azlan Shah. Operasi dijalankan dari jam 10 pagi hingga 12 tengahari .



HARI OPERASI KENDERaan BERSAMA PDRM

Operasi Kenderaan Pelajar dilaksanakan bagi tujuan memastikan pelajar mematuhi peraturan lalulintas di kawasan politeknik yang telah ditetapkan dibawah AKTA 174 AKTA INSTITUSI-INSTITUSI PELAJARAN (TATATERTIB) 1976

Pada kali ini Unit Disiplin telah menjemput pihak Polis Diraja Malaysia PDRM bersama dengan pegawai disiplin PSAS melaksangkan operasi kenderaan dikalangan pelajar.



PROGRAM PEMBANGUNAN SAHSIAH DIRI DAN DISIPLIN PELAJAR KAMSIS

KHAMIS, 16 JUN 2022

SITI SYAIDATUL AKMAL BT KAMARUDDIN



Program Pembangunan Sahsiah diri dan disiplin pelajar kamsis, dilaksanakan bagi tujuan memberi pendedahan dan maklumat awal mengenai kawasan kejiranan yang berpotensi untuk dihuni oleh pelajar ini sekiranya mereka tidak mendapat penempatan di kolej kediaman.

Selain itu, program ini juga bertujuan untuk memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar yang telah melakukan kesalahan disiplin untuk melakukan perubahan sikap dan tingkah laku bagi membangunkan potensi diri secara menyeluruh.



Bagi sesi taklimat ini Unit Disiplin PSAS telah menjemput Penyelaras Unit Operasi Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah, Jabatan Agama Islam Perak, AF Ustaz Hafez Rezal Bin Abd Manan bagi memberi pendedahan kepada pelajar mengenai akta-akta dan kesalahan syariah yang sering terjadi dikalangan pelajar. Unit Disiplin juga turut menjemput wakil penduduk iaitu En Kamarul Beharim bin Lasa yang merupakan Pengerusi Persatuan Penduduk BB2020 bagi menyampaikan maklumat dan pendedahan mengenai kawasan setempat, yang bakal diduduki oleh pelajar PSAS.

Majlis turut dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Sokongan Akademik Politeknik Sultan Azlah Shah, En Arman bin Sapawi.



PROMOSI

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR

JOM MASUK IPT



Pn Noraniza memberi penerangan mengenai hal berkaitan Politeknik.



Pegawai menerangkan maklumat-maklumat berkaitan politeknik.

Program karnival ini adalah anjuran Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) dan bertujuan untuk memberi peluang kepada orang ramai yang bercadang memohon kemasukan ke UA/ IPTA dan Politeknik tahun 2022. Pelajar boleh mendapatkan maklumat terperinci berkaitan program pengajian yang ditawarkan oleh Universiti Awam (UA), Kolej Komuniti, Politeknik dan ILKA semasa karnival. Pelajar-pelajar terutama yang ingin melanjutkan pengajian tinggi mereka adalah disarankan untuk hadir ke Karnival KPTN ini.

Pelajar boleh berjumpa terus dengan wakil-wakil dari universiti dan kolej semasa pameran untuk mendapatkan maklumat melanjutkan pengajian, pembiayaan pendidikan dan syarat-syarat kelayakan yang diperlukan.

Di antara manfaat buat mereka yang hadir ke karnival Jom Masuk IPT ini adalah seperti berikut :-

- Mendapatkan maklumat mengenai institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini termasuk pelbagai program yang ditawarkan
- Mendapatkan maklumat jelas berhubung peluang melanjutkan pengajian di IPT termasuk program ditawarkan mengikut kesesuaian kelayakan akademik seseorang pelajar.
- Memberi idea dalam melanjutkan pengajian tinggi dan halatuju pengajian seterusnya
- Memudahkan pelajar untuk membuat keputusan yang tepat dalam melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi kelak.
- Mendapat nasihat pemilihan program pengajian dari wakil IPT
- Memperolehi maklumat yang lanjut berkaitan pilihan program pengajian yang diminati
- Membuat perbandingan di antara satu institusi dengan institusi pengajian tinggi yang lain.



Barisan Urusetia bagi mempromosikan POLYCC Politeknik dan Kolej Komuniti

PROMOSI

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR

PROMOSI DI SEKOLAH SMK SUNGKAI

Pada 8 Mac 2022 SMK Sungkai telah menjemput pihak Politeknik Sultan Azlan Shah , bagi mempromosikan dan memberi taklimat mengenai kemasukan pelajar ke Politeknik Sultan Azlan Shah.



Seramai 6 orang pensyarah dari Jabatan Pengajian AM berserta Pegawai Hal Ehwal Pelajar ,Ustaz Muhammad Solihin dan Ustaz Mohd Syahnan hadir bagi sama-sama mempromosikan dan memberi taklimat kepada pelajar,guru dan ibubapa yang hadir.



PROMOSI

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR



Sesi Taklimat dari Ts. Krishnamoorthy wakil Politeknik Sultan Azlan Shah

PROGRAM SELANGKAH KE IPTA

Persatuan Tamilar Shah Alam and Iraimalar Education Consultation, Persatuan Jaya Diri Negeri Johor telah menganjurkan program Selangkah ke IPTA

Program ini dirancang bagi tujuan untuk diberi pendedahan kepada pelajar lepasan SPM dan para ibubapa berkaitan dengan program pengajian kejuruteraan yang ditawarkan di politeknik. Taklimat disampaikan oleh Ts.Krishnamoorthy pensyarah dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik

Program ini dijalankan di Midlands Convention Centre pada 9 April 2022, Seramai 61 pelajar dan 13 orang ibu bapa yang turut serta bagi menjayakan program ini. Majlis telah dirasmikan oleh YB Dr. Xavier-Parlimen Kuala Langat dan perasmian penutup oleh YB Dr. Gunaraj ADUN Sentosa.



Bersama YB Dr. Xavier-Parlimen Kuala Langat dan perasmian penutup oleh YB Dr. Gunaraj ADUN Sentosa.



Sesi Penyampaian sijil kepada peserta

PROMOSI

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR



PROGRAM PROMOSI SEMPENA KEPUTUSAN SPM 2021

Sempena keputusan SPM 2021 diumukan, bahagian promosi Politeknik Sultan Azlan Shah telah mengadakan promosi disekitar sekolah yang berdekatan dengan Politeknik. Antara Sekolah yang dihadiri ialah: -

- SMK BANDAR BEHRANG 2020
- SMK TROLAK
- SMK DATO ZULKIFLI SLIM RIVER
- SMK POTON CITY
- SMK DARY, BOTA
- SMK SYED MASHOR

Seramai 16 orang pensyarah dari Jabatan Kejuruteraan Awam, Elektrik, Mekanikal dan Jabatan Perdagangan berserta Pegawai Hal Ehwal Pelajar hadir bagi sama-sama mempromosikan Politeknik Sultan Azlan Shah.



PROMOSI

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR



Sesi penerangan bersama pelajar

PROGRAM OUTREACH BERSASAR 2022/2023 KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI SMK DARY , BOTA, PERAK

Program Outreach SMK Dary telah dilaksanakan dengan melibatkan pelajar tingkatan 5 dan 6 sekitar Perak Tengah.

Program ini dirancang bagi tujuan untuk menyalurkan kepakaran dalam bidang kejuruteraan, serta pelajar dan guru diberi pendedahan berkaitan dengan program pengajian kejuruteraan yang ditawarkan di politeknik



KJHEP memberi penerangan kepada para guru SMK Dary



Pelajar mendengar taklimat dari pihak sekolah

Di samping itu, Program Outreach SMK Dary telah memberi impak dan nilai tambah yang bermanfaat kepada komuniti setempat sekaligus meralisasikan misi politeknik dalam memperkasakan komuniti melalui penyelidikan,inovasi dan pembelajaran sepanjang hayat.

Taklimat

INSURAN

UNIT KEBAJIKAN



TUJUAN

Skim Takaful berkelompok ini adalah bertujuan Memastikan kebajikan pelajar diutamakan dengan menyediakan skim perlindungan asas dalam bentuk pembayaran manfaat sekiranya berlaku perkara-perkara yang tidak diingini seperti kematian dan kecacatan kekal.

Meringankan beban kewangan kepada waris yang perlu menanggung kos-kos berkaitan sekiranya berlaku perkara-perkara yang tidak diingini.

MANFAAT PERLINDUNGAN YANG DISEDIAKAN

Di bawah skim ini, para pelajar dilindungi 24 jam sehari di seluruh dunia. Sekiranya berlaku kematian atau cacat kekal samada disebabkan kemalangan, pelajar/waris pelajar layak untuk membuat tuntutan. Etiqa Takaful jugamenyediakan manfaat-manfaat sampingan lain seperti Jadual di berikut

FAEDAH SKIM TAKAFUL BERKELOMPOK



	FAEDAH	JUMLAH PERLINDUNGAN (RM)
GTT Group Term Takaful	Kematian Biasa atau Akibat Penyakit	12,000
	Keilatan Kekal Menyuluruh Biasa atau Akibat Penyakit	12,000
	Khairat Kematian	2,000
GPA Group Personal Accident	Kematian Akibat Kemalangan	50,000
	Keilatan Kekal Menyuluruh Akibat Kemalangan	50,000
	Keilatan Kekal Separa Akibat Kemalangan	50,000
	Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan	3,000
	Elaun Harian Hospital Akibat Kemalangan (Maksimum 100 hari)	50 / hari
	Khairat Kematian Akibat Kemalangan	2,000
	Perbelanjaan Mobiliti	500
	Yuran Ambulans	500
	Pemulihan Denggi	500
KADAR SUMBANGAN TAHUNAN		35.00 / pelajar

UNIT KEBAJIKAN

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR

SUMBANGAN PELAJAR KUARANTIN COVID-19

Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Pegawai Kebajikan Hal Ehwal Pelajar Politeknik Sultan Azlan Shah telah turun memberi sumbangan kepada pelajar PSAS yang dijangkiti dan Kontak rapat Covid -19.

Seramai 119 orang pelajar telah menerima sumbangan yang berbentuk keperluan asas seperti beras , telur, minyak, kicap, susu, sayuran dan biskut. Sumbangan ini diedarkan di sekitar kawasan Perumahan berdekatan Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS).



UNIT KEBAJIKAN

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR

SUMBANGAN KEPADA KELUARGA PELAJAR YANG TELAH MENINGGAL DUNIA




PAVITTHERAN A/L
MURUGASAN

Meninggal dunia akibat
kemalangan pada 1
september 2022



THINAKARAN A/L
KALAICHELVAN

Meninggal dunia akibat
kemalangan pada 12 Jun
2022



MUHAMMAD DANIEL
HAIQAL BIN BAKORDIN

Meninggal dunia akibat
kemalangan pada 21
Disember 2022

Sumbangan sebanyak RM 1000 telah diserahkan oleh
Pegawai Kebajikan kepada keluarga mangsa.

UNIT BIASISWA

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR

BIASISWA DAN PINJAMAN PENDIDIKAN

Unit Biasiswa bertanggungjawab menguruskan hal ehwal Biasiswa dan pinjaman bagi pelajar yang mengikuti program Diploma Sepenuh Masa, Kursus Secara Sambilan (KSS) dan Program Ijazah Sarjana Muda.

- Membantu pelajar yang berdaftar mendapatkan penaja sama ada dalam bentuk biasiswa atau pinjaman dengan memaklumkan segala maklumat terkini mengenai bantuan pelajaran kepada pelajar.
- Memastikan pelajar menerima bantuan kewangan dengan teratur sepanjang pengajian dengan menghantar pengesahan status pelajar kepada penaja terbabit selepas keputusan peperiksaan diumumkan pada setiap semester.
- Memastikan pelajar hanya memilih satu penaja sahaja.
- Menguruskan temuduga dan taklimat pinjaman bagi mana-mana penaja.
- Membantu pelajar-pelajar berstatus OKU memohon insentif khas iaitu bantuan wang saku dan yuran yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).



BIASISWA

- YAYASAN SIME DARBY
- BANTUAN KHAS OKU
- YAYASAN KUOK FOUNDATION
- PROGRAM DERMASISWA B40 (JPA)
- JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI (JAKOA)
- TABUNG AMANAH ZAKAT PSAS
- BIASISWA SUKAN KPT
- ZAKAT SELANGOR

PINJAMAN

- PTPTN
- YAYASAN NEGERI
- MARA
- YAYASAN BANK RAKYAT
- FELDA

MPP

Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Sultan Azlan Shah



PROGRAM 'MALAYSIAN YOUTH AS PEACE AMBASSADORS' 2022 (MYPA 2022)



10 PELAJAR MPP PSAS KE PROGRAM 'MALAYSIAN YOUTH AS PEACE AMBASSADORS' 2022 (MYPA 2022)

Program 'Malaysian Youth as Peace Ambassadors' 2022 merupakan program anjuran bersama antara Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Kementerian Luar Negeri bagi memberi kesedaran serta mendidik pelajar yang terpilih tentang perkembangan memerangi keganasan, menanamkan bantahan keras terhadap ekstremisme, membina identiti kumpulan melalui nilai toleransi dan kepelbagaiannya.

Program ini berlangsung pada 1 Jun hingga 5 Jun 2022 di Olympic Hotel, Kuala Lumpur.

Terima kasih kepada pihak pengatur program kerana menjemput MPP PSAS sebagai peserta.



MPP

Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Sultan Azlan Shah



PROGRAM HARI BERTEMU PELANGGAN MPP BERSAMA WARGA PSAS SESI 2022/2023



Program ini dilaksanakan bagi mendapatkan cadangan dan aduan yang dibuat oleh warga Politeknik berkaitan kemudahan dan perkhidmatan di Politeknik Sultan Azlan Shah.

Penglibatan pelajar amat memberangsangkan dari pukul 8 pagi sehingga 5 petang.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua AJK yang terlibat dalam menjayakan program.

MPP

Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Sultan Azlah Shah

KEM KEPIMPINAN DAN PEMERKASAAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR PSAS 2022



Seramai 28 orang pelajar MPP telah terlibat di dalam Kem Kepimpinan dan Pemerkasaan MPP yang diadakan di Purnama Beach Resort, Pangkor pada 9-11 Ogos 2022.

Majlis Penutup dirasmikan oleh Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Ustaz Mohd Syahnan bin Md Zain.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada barisan MPP yang terlibat dengan program ini. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada barisan fasilitator dan kem komandan bagi menjayakan kem MPP pada kali ini.



MPP

Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Sultan Azlah Shah

PROGRAM MALAYSIAN COLOURFUL RUN 2022 ANJURAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR



Malaysian Colourful Run merupakan salah satu inisiatif kepada pelajar untuk mencungkil bakat dan aktif dalam penglibatan sukan di Politeknik Sultan Azlan Shah.

Pertandingan ini telah dijalankan pada 31 Ogos 2022 dengan seramai lebih kurang 300 orang peserta telah menyertai pertandingan ini.

Syabas dan tahniah sekali lagi diucapkan kepada peserta yang terlibat.



MPP

Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Sultan Azlan Shah



LAWATAN PENANDA ARAS MPP KOLEJ VOKASIONAL KERIAN KE POLITELNIK SULTAN AZLAN SHAH

Lawatan Penanda Aras dianjurkan pada 19 Oktober 2022 (Rabu) dari 9.30 pagi hingga 3.30 petang. Bertempat di Dewan Kuliah Utama dan Bilik Gerakan MPP, Politeknik Sultan Azlan Shah.

Turut hadir Ustaz Mohd Syahnan bin Md Zain, Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar Politeknik Sultan Azlan Shah, En Cik Nordin bin Nayan, Pn Herdawati binti Ahmad dan Pn Nor Hidayah binti Ab Wahab, selaku Penasihat Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Sultan Azlan Shah.

Program ini melibatkan Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Sultan Azlan Shah dan Majlis Perwakilan Pelajar Kolej Vokasional Kerian bagi bertukar-tukar pandangan dan idea tentang pentadbiran dan aktiviti atau program.

Diharapkan dengan Lawatan Penandaarasan ini dapat memupuk lagi ukhwah antara MPP PSAS dan MPP KV Kerian. Semoga kerjasama antara MPP PSAS dan MPP KV kerian akan terus terjalin pada masa akan datang.



Istiadat KONVOKESYEN 19

POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH KE -

26-27 November 2022

1 - 2 Jamadil Awal 1444H



Istiadat Konvokesyen Politeknik Sultan Azlan Shah kali ke-19

Pada 26 dan 27 November 2022 telah berlangsungnya Istiadat Konvokesyen Politeknik Sultan Azlan Shah kali 19, bagi pelajar bagi tahun 2021 dan 2022 yang telah berjaya menamatkan pengajian.

Seramai 1214 orang pelajar telah berjaya menamatkan pengajian di peringkat Diploma dan Ijazah.



MAJLIS KONVOKESYEN

Sidang Pertama – Jabatan Kejuruteraan Mekanikal.

Sidang Kedua – Jabatan Kejuruteraan Elektrik.

Sidang Ketiga – Jabatan Perdagangan.

Sidang Keempat – Jabatan Kejuruteraan Awam.



JABATAN HAL EHWAL PELAJAR



Jabatan Hal Ehwal Pelajar PSAS



hep.psas@psas.edu.my

eISSN 3009-1071

